



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN LAKI-LAKI METHODIST
Jalan Hang Jebat, 50150 Kuala Lumpur

Tel : 603-20782293
Fax : 603-20341346
e-mel : mbsskl@gmail.com

Ruj.kami : mbsskl/07/07/04
Tarikh : 04 April 2019

Penerima Anugerah/Hadiah

Saudara/Saudari,

HARI ANUGERAH KECEMERLANGAN 2019

Sukacita dimaklumkan bahawa saudara/saudari telah dipilih untuk menerima hadiah yang berikut kerana kejayaan saudara/saudari bagi tahun 2018.

(Rujuk lampiran senarai penerima anugerah/hadiah)

2. Pihak sekolah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan ini. Hari Anugerah Cemerlang pada tahun ini akan diadakan pada **27 April 2019 (Sabtu)** di **Dewan sekolah MBSSKL**. Saudara/saudari dikehendaki berada di sekolah **sebelum 8.00 pagi** untuk melapor diri kepada Jawatankuasa Penerima Anugerah yang diketuai oleh **Pn. Ng Wee Nee** di meja pendaftaran bersebelahan pejabat sekolah. Seterusnya, saudara/saudari diminta masuk dan berada di dalam dewan **sebelum 8.30** pagi untuk acara bermula.

3. Untuk makluman, etika pakaian adalah mengikut majlis rasmi. Penerima Anugerah yang **tidak mematuhi etika pakaian TIDAK AKAN DIBENARKAN memasuki dewan**. Etika pakaian adalah seperti berikut.

Lelaki	Perempuan
Kemeja lengan panjang	Baju berlengan
Bertali leher	Skirt di bawah paras lutut atau seluar panjang.
Berambut pendek dan rambut tidak diwarnakan	Rambut tidak diwarnakan
<u>Pemakaian seluar jean, selipar, sandal & kemeja-T tidak dibenarkan</u>	<u>Pemakaian seluar jean, selipar, sandal & kemeja-T tidak dibenarkan</u>

* Murid yang masih bersekolah hendaklah memakai pakaian seragam sekolah yang lengkap dan bertali leher

4. Etika semasa majlis: Penerima hadiah **TIDAK DIBENARKAN** keluar dewan sehingga majlis tamat. Penggunaan telefon bimbit ketika majlis berlangsung juga tidak digalakkan.
5. Tempat duduk ibu bapa/penjaga hanya **terhad** kepada **2 orang** bagi setiap penerima hadiah/anugerah. Sekiranya saudara/saudari tidak dapat hadir untuk menerima anugerah ini, ibu bapa yang mewakili anak untuk menerima hadiah tersebut perlu membawa satu salinan kad pengenalan anak bersama-sama dengan kad jemputan. Walau bagaimanapun, ibu bapa masih tertakluk kepada etika pakaian rasmi yang telah dinyatakan di atas.
6. Sila maklumkan kehadiran saudara/saudari atau ibu bapa **pada atau sebelum 22 April 2019** dengan melengkapkan borang jawapan kehadiran dengan melayari **url** berikut ***bit.ly/rsvphac19*** Sebarang masalah sila hubungi pihak sekolah 03-20782293 (up: **Pn Aida**).

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(RAVI CHANDRAN A/L KRISHNAN)
Pengetua